

Dahulu MAS, kini MAB

MH370
telah
n
uk
MAS.



Perspektif

Oleh DR. SHAHRUL
NAZMI SANNUSI

nazmy@ukm.edu.my
Pensyarah Kanan, Fakulti Sains
Sosial dan Kemasyarakatan,
Universiti Kebangsaan Malaysia



MULAI 1 September lalu, dunia telah menyaksikan lahirnya sebuah organisasi penerbangan baharu negara ini yang diberi nama Malaysia Airlines Berhad (MAB).

Ia adalah hasil daripada program penstrukturan besar-besaran yang berlaku ke atas syarikat Malaysia Airlines (MAS) yang kini telah pun lenyap dalam lipatan sejarah korporat negara.

Selepas berdekad lamanya bergelung dengan pelbagai krisis kewangan dan dua tragedi melibatkan pesawatnya yang menggemparkan industri penerbangan seluruh dunia tahun lalu.

Kelahiran MAB dengan skala serta operasi yang berbeza berbanding sebelum ini diharapkan dapat mengembalikan semula kegemilangan syarikat penerbangan negara ini seiring dengan pemain terkemuka antarabangsa yang lain.

Sejak tahun 2014, syarikat pelaburan negara iaitu Khazanah Nasional Berhad telah pun memulakan pelan penstrukturan semula besar-besaran bagi mengembalikan semula syarikat penerbangan negara ini kepada landasan yang betul.

Mulai 1 September lalu, Ketua Pegawai Eksekutif baharunya, Christoph Mueller secara rasmi mengumumkan MAB mula beroperasi bagi menggantikan MAS, manakala ibu pejabat baharunya pula akan dipindahkan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Serentak dengan itu juga, hampir 5,000 kakitangan syarikat lama telah diberhentikan secara berperingkat-peringkat. Ini menjadikan jumlah keseluruhan yang menyertai syarikat baharu MAB ialah sekitar 13,000 orang sahaja berbanding 18,000 orang sebelum ini.

Diberhentikan

Sebahagian kakitangan yang menyertai syarikat baharu MAB itu pula ditawarkan jawatan secara tetap dan kontrak.

Program penstrukturan ini dilihat sebagai yang terbesar dalam sejarah korporat negara kerana ia dilihat sebagai satu 'proses pembersihan' bagi membolehkan syarikat MAB mampu bergerak seiring dengan syarikat lain dalam industri penerbangan tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, sejumlah RM6 bilion



KELAHIRAN MAB diharapkan dapat mengembalikan kegemilangan syarikat penerbangan negara ini. — Gambar hiasan

akan disuntik oleh pihak kerajaan bagi memastikan syarikat MAB mampu beroperasi dan mengelak daripada dibebani hutang yang ditanggung oleh syarikat sebelum ini.

Jika dilihat dari sudut ekonomi, industri penerbangan komersial sememangnya mempunyai dinamika tersendiri dan ia perlu proaktif dalam berhadapan dengan cabaran dan perubahan semasa.

Syarikat penerbangan Qantas dari Australia misalnya, terpaksa membuang sejumlah 5,000 pekerjanya bagi memastikan ia mampu mencatat keuntungan.

Syarikat lain seperti Aer Lingus dari Ireland, Japan Airlines dari Jepun dan Virgin Blue di Australia juga pernah mengalami kerugian dan terpaksa distrukturkan semula. Persoalannya, adakah syarikat baharu ini mampu berdiri dengan imej dan kekuatan sendiri atau masih terpalit dengan stigma daripada syarikat sebelum ini?

Tidak dapat dinafikan wujudnya rasa sangsi dalam kalangan pelanggan terhadap syarikat penerbangan negara. Ini dapat dibuktikan dengan kemerosotan dan pembatalan penerbangan yang berlaku sebelum ini.

Ia diburukkan lagi dengan persaingan sengit dalam kalangan syarikat penerbangan tempatan dan antarabangsa dalam menarik pelanggan.

Sebagai contoh, terdapat syarikat penerbangan asing tertentu yang menawarkan tambang penerbangan serendah RM2,500 sahaja untuk ke destinasi di rantau Eropah dan Amerika.

Cabaran besar yang perlu dihadapi oleh pihak MAB untuk jangka masa terdekat ini adalah untuk meningkatkan motivasi kakitangan baharu serta meningkatkan tahap kualiti yang dinikmati oleh penumpang.

Tragedi MH370 dan MH17 telah mencetus krisis keyakinan yang sangat dahsyat kepada

syarikat penerbangan negara ini. Christoph Mueller secara terbuka menyatakan jenama Malaysia Airlines (MAS) telah terjejas teruk dan tidak mampu untuk dipulihkan.

Persepsi yang timbul dalam kalangan penggiat industri dan pelanggan juga amat menyedihkan. Ada yang menggunakan nama MAS sebagai bahan jenaka dan tidak selamat dinaiki.

Stigma

Malah ketika penulis pergi ke luar negara untuk tugas dan berjumpa rakyat China dan Belanda, mereka menggambarkan Malaysia itu sendiri dengan jolokan MH370.

Kelahiran MAB dengan skala serta operasi yang berbeza berbanding sebelum ini diharapkan dapat mengembalikan semula kegemilangan syarikat penerbangan negara ini seiring dengan pemain terkemuka antarabangsa yang lain.

Sebelum ini, trend kemunculan pelbagai syarikat penerbangan komersial peringkat antarabangsa ketika ini juga turut menampilkan imej dan nama yang lebih ceria dan segar di mata pengguna.

Syarikat-syarikat ini berfungsi secara *standalone* dan tidak lagi menggunakan identiti nama negara masing-masing walaupun ada dalam kalangan mereka masih berstatus syarikat penerbangan milik negara.

Justeru, dengan kemunculan semakin banyak perkhidmatan syarikat penerbangan tambang murah, pihak MAB perlu menjalankan kajian mendalam tentang keperluan untuk membangunkan imej serta jenama syarikat baharu ini untuk jangka masa panjang. Maka, kemunculan MAB kali ini diharapkan dapat menutup segala episod duka yang telah melanda industri penerbangan negara yang wujud berdekad-dekad lalu.

Dunia kini sedang memerhati bagaimana syarikat ini dikemudi dan mengembalikan semula kegemilangan Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai syarikat penerbangan terbaik dunia seperti yang pernah diraih beberapa dekad lalu.

